



30 MAR, 2024

FAMA bantu atasi isu terputus bekalan tebu

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA bantu atasi isu terputus bekalan tebu

KUALA TERENGGANU – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu membawa masuk lebih 10,000 batang tebu bagi membantu peniaga tempatan mendapatkan bekalan yang semakin meruncing pada Ramadan ini.

Pembantu Ehwal Ekonomi Pusat Operasi FAMA Kuala Terengganu, Muhamad Taufid Zakaria berkata, sebelum ini pihaknya menerima banyak aduan kekurangan bekalan tebu daripada peniaga berikutan permintaan tinggi air tebu sejak 1 Ramadan lalu.

“Permintaan terhadap air tebu melonjak pada Ramadan ini sehingga bekalan tempatan hampir kehabisan.

“FAMA yang cakna dengan isu ini mengambil inisiatif membawa masuk lebih 10,000 batang tebu dari negeri jiran, Pahang,” katanya di sini semalam.

Muhamad Taufid berkata, kesemua bekalan itu tersebut diambil dari Pusat Operasi FAMA Pahang di Lanchang, Temerloh, Pahang.

Beliau berkata, tebu tersebut dijual kepada peniaga tem-

patan yang kebanyakannya berniaga di bazar-bazar Ramadan sekitar bandar raya ini pada harga RM2.70 sebatang.

“Setakat ini lebih 5,000 batang tebu tersebut sudah terjual dengan bakinya pula akan diedarkan tidak lama lagi sebelum ketibaan 1 Syawal.

“Selain boleh diambil di premis FAMA Terengganu, kami juga menyediakan perkhidmatan penghantaran bekalan tebu kepada peniaga secara percuma,” katanya.

Sementara itu, seorang peniaga air tebu, Khairul Fikri Jasmani, 34, berkata, bantuan FAMA tersebut amat melegakan mereka yang hampir keputusan bekalan.

“Biasanya bekalan tebu diperolehi dari Kampung Tok Dir dan Bukit Payung, Marang, namun bekalan sudah semakin berkurangan.

“Sebahagian peniaga sebelum ini hampir tidak dapat beroperasi ekoran terputus bekalan tebu.

“Ia disebabkan permintaan air tebu untuk berbuka puasa telah meningkat berkali ganda,” katanya.



MUHAMAD TAUFID (kiri) memeriksa tebu yang dibawa dari Pahang di pejabat FAMA, Kuala Terengganu semalam.



30 MAR, 2024

FAMA bantu atasi isu terputus bekalan tebu

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA TERENGGANU - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu membawa masuk lebih 10,000 batang tebu bagi membantu peniaga tempatan mendapatkan bekalan yang semakin meruncing pada Ramadan ini. Pembantu Ehwal Ekonomi Pusat Operasi FAMA Kuala Terengganu, Muhamad Taufid Zakaria berkata, sebelum ini pihaknya menerima banyak aduan kekurangan bekalan tebu daripada peniaga berikutan permintaan tinggi air tebu sejak 1 Ramadan lalu. "Permintaan terhadap air tebu melonjak pada Ramadan ini sehingga bekalan tempatan hampir kehabisan.